




ISTANA ALAM SHAH
KLANG.



Tarikh: 18 Februari 2022

Y.A.D. Tan Sri Dato' Seri Abdul Aziz bin Mohd Yusof
P.S.M., P.S.D., S.P.M.S., D.C.S.M., D.S.S.A., K.M.N., A.M.N.
Pengerusi MAIS
Tingkat 9, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah
No.2, Persiaran Masjid, Bukit SUK, Seksyen 5,
40676 SHAH ALAM

Y.A.D. Tan Sri Dato' Seri,

DATO' MOHD SHAHZIHAN BIN AHMAD (P.P.T.)
Pengarah
Jabatan Agama Islam Selangor

Beta berharap Y.A.D. Tan Sri Dato' Seri berada di dalam keadaan sihat sejahtera dan sentiasa diberkati oleh Allah Subhanahu Wata'ala.

Beta selaku Ketua Agama Islam di Negeri Selangor ini akan sentiasa memastikan bahawa Agama Islam yang suci ini tidak dijadikan bahan politik atau dipolitikkan. Beta menitahkan agar hanya mereka yang benar-benar mahir dan mempunyai pengetahuan yang luas mengenai Agama Islam boleh diberikan tauliah untuk mengajar / ceramah di masjid-masjid atau di surau-surau di seluruh Negeri Selangor ini.

Beta tidak berkenan tauliah untuk mengajar / ceramah mengenai Agama Islam ini diberikan kepada mereka yang memegang jawatan dalam politik dan mereka yang terlibat serta aktif dalam politik, kerana ditakuti ia disalahgunakan untuk kepentingan sesebuah parti politik atau kumpulan. Beta khawatir sekiranya ilmu mengenai Agama Islam dipolitikkan, ianya boleh menyebabkan masyarakat keliru serta boleh menyebabkan perpecahan dan persengketaan antara umat Islam sendiri, mahupun antara umat Islam dengan penganut agama-agama lain.

Beta juga tidak berkenan isu agama dijadikan sebagai bahan cercaan dan sebagai platform untuk meraih sokongan serta keuntungan daripada mana-mana pihak yang akhirnya akan mencemarkan kesucian Agama Islam itu sendiri. Beta tidak berkenan isu agama dicampur-adukkan dengan politik kepartian.

Beta selaku Ketua Agama Islam di Negeri Selangor seperti yang termaktub di bawah Undang-undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959 dan kuasa-kuasa yang diperuntukkan di bawah Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 mempunyai kuasa untuk menitahkan agar tauliah terhadap mana-mana pihak ditarik balik atas sebab-sebab tertentu demi memelihara kesucian Agama Islam dan mengelak perpecahan di kalangan masyarakat Islam.

Sekian, terima kasih.

**"PERTAHAN DAN SETIA KEPADA AGAMA ISLAM"
"BERKHIDMAT UNTUK RAKYAT DAN NEGARA"**



**D.Y.M.M. SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ
SULTAN SELANGOR**

s.k.



Y.Bhg. Dato' Mohd Shahzihan bin Ahmad D.P.M.S., P.P.T.
Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor

Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni
EXCO Agama Islam, Pengguna & Industri Halal